

KAMPUNG ANGKAT MADANI MITI: DEWAN SERBAGUNA TERBUKA BAKAL MENJADI PUSAT LENGKAP BAGI KOMUNITI KAMPUNG TEBUK MUFRAD

Sabak Bernam, 29 November 2025 (Sabtu) – Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) hari ini menyerahkan sebuah Dewan Serbaguna Terbuka yang telah siap dibina kepada komuniti Kampung Tebuk Mufrad. Ini merupakan sebuah projek di bawah Program Kampung Angkat MADANI, dengan peruntukan RM2.35 juta. Majlis penyerahan dewan telah disempurnakan oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, Menteri MITI. Turut hadir pada majlis ini adalah YB Datuk Hj Rizam, Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, wakil-wakil dari Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, pegawai Daerah, ketua kampung serta penduduk Kampung Tebuk Mufrad.

Projek yang mengambil masa tujuh bulan ini (April-Disember 2025) merupakan projek terpanjang melalui kerjasama MITI-JKR. Dewan ini dibina di atas tanah wakaf Masjid Tebuk Mufrad seluas 2,600 m² dan bakal menjadi pusat komuniti lengkap dengan kemudahan sukan seperti futsal, badminton, bola tampar, bola keranjang dan sepak takraw.

YB Menteri berkata bahawa inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI merapatkan jurang pembangunan bandar-luar bandar serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

“Kami berharap impak dewan ini bukan hanya dari sudut pembangunan sosial dan sahsiah penduduk, tetapi juga dari segi menjana dan melestarikan ekonomi penduduk Kampung Tebuk Mufrad. Selain dari menyemarakkan semangat perpaduan dan permuafakatan, ia juga boleh memupuk keusahawanan, terutama daripada aspek pelancongan seperti inap desa dan juga pemasaran produk tempatan kampung ini,” ujar Tengku Zafrul.

Kesemua 14 agensi MITI turut menyumbang melalui penambahbaikan infrastruktur fizikal termasuk peralatan komputer dan pemasangan lampu solar, serta program pembangunan insan seperti keusahawanan, saringan kesihatan, bengkel pembaikan motor, program motivasi remaja dan ceramah agama.

Turut dilancarkan hari ini adalah sebuah buku bertajuk **Tebuk Mufrad: Kampung Angkat MADANI MITI**, hasil nukilan penduduk Kg Tebuk Mufrad yang telah mendokumentasikan perjalanan dan pengalaman menjadi Kampung Angkat MADANI MITI.

Dato' Hairil Yahri Yaacob, Ketua Setiausaha MITI berkata, "MITI komited untuk membawa pembangunan lebih dekat kepada rakyat, termasuk komuniti luar bandar. Dewan ini bukan sekadar ruang aktiviti, tetapi pemangkin kepada perpaduan, pembangunan bakat serta peluang ekonomi baharu untuk penduduk Kampung Tebuk Mufrad. MITI turut menghargai kerjasama semua rakan pelaksana dan komuniti setempat dalam membina komuniti yang lebih dinamik dan berdaya maju seiring dengan konsep Kesejahteraan dan Ihsan di bawah Teras Utama Malaysia MADANI"

MITI merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor, JKR, MAIS, JAIS, Pejabat Daerah Sabak Bernam serta penduduk Kampung Tebuk Mufrad dan JKKK atas sokongan terhadap pembangunan kampung ini. MITI berharap dewan ini dapat digunakan sepenuhnya bagi aktiviti komuniti dan sukan, program perayaan dan sambutan serta platform pembangunan bakat sukan dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk kampung.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
29 November 2025

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



603-80008000




www.miti.gov.my



webmiti@miti.gov.my



MITI
MALAYSIA



THIS IS WHERE GLOBAL STARTS